

## UEM Edgenta Learning Centre Kini Menjadi Pusat Pemberian Vaksin Dos Penggalak

**PETALING JAYA, 23 November** - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) telah mengubah suai fasiliti latihannya di UEM Edgenta Learning Centre (“UELC”), Petaling Jaya kepada Pusat Pemberian Vaksin (“PPV”) untuk dos penggalak.

PPV yang ditubuhkan dengan kerjasama ProtectHealth, Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”), serta disokong oleh U.N.I.Klinik, akan beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang setiap hari, dan ditutup pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Kami mengalu-alukan orang ramai ke PPV kami untuk menerima suntikan dos penggalak mereka sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk terus membantu Kerajaan ke arah *#ReopeningSafely* (pembukaan semula dengan selamat). Dengan aktiviti ekonomi dan rentas negeri dipergiatkan, lokasi UELC kami yang strategik dan ideal berdekatan dengan kawasan perumahan juga akan memberi manfaat kepada mereka yang tinggal di kawasan Lembah Klang.”

“Kami menghargai usaha berterusan KKM untuk memberikan dos penggalak terhadap semua jenis vaksin di seluruh negara. Semoga dengan langkah ini, kita terus dilindungi daripada COVID-19 dan InshaAllah, negara kita akan dapat meneruskan usaha ke arah pemulihan ekonomi dan sosial yang selamat,” tambah beliau.

Individu dinasihatkan untuk menyemak janji temu mereka melalui aplikasi MySejahtera dan sebarang ‘walk-in’ di PPV adalah berdasarkan ‘*first-come-first-served basis*’, bergantung kepada bekalan harian dos penggalak.

Terdahulu, UEM Edgenta telah mengubah suai fasiliti latihan dan pembangunan warga kerjanya – UELC – menjadi CAC Swasta yang telah mengguna pakai [QuickMed](#) sebagai nadi penggerakannya, diikuti dengan PPV untuk golongan remaja berusia antara 12 hingga 15 tahun. CAC Swasta tersebut telah menyaring hampir 4,000 pesakit COVID-19 sepanjang operasinya selama tiga bulan dan sehingga kini, 25,718 individu telah menerima suntikan vaksin mereka di PPV UELC.

-Tamat-

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuah raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.